

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT PERTAMA 2018, PENGGAL KEENAM**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**  
**KAWASAN : SELAYANG**  
**TARIKH : 26 MAC 2018**  
**NO. SOALAN : NO. 12 (PR-1361-L04513)**

**SOALAN**

Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan secara terperinci pelan tindakan Industri 4.0 dan bagaimana Kementerian membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menuju ke arah revolusi perindustrian keempat (Industri 4.0).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penglibatan pemain industri, termasuk perusahaan kecil dan sederhana, dalam pengaplikasian Industri 4.0 dalam aktiviti perkilangan atau perkhidmatan mereka adalah penting dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang tidak ketinggalan dalam revolusi perindustrian keempat.

Pada masa ini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sedang memperhalusi Dasar Nasional mengenai Industri 4.0 yang akan diumumkan pada pertengahan tahun 2018. Dasar ini digubal

8

untuk menyokong hasrat negara dalam menerajui Industri 4.0 sebagai pemangkin yang dapat meningkatkan produktiviti, kualiti pengeluaran dan kecekapan operasi industri yang seterusnya menyumbang kepada pembangunan mapan ekonomi negara.

Kementerian juga telah pun melancarkan konsultasi awam mengenai cadangan Dasar ini dari 12 Februari hingga 12 Mac 2018 untuk mendapatkan maklumbalas daripada pihak berkepentingan terhadap strategi-strategi yang telah digariskan untuk membolehkan industri, termasuk PKS, berhijrah menggunakan Industri 4.0 dalam merencanakan aktiviti perusahaan mereka. Strategi dasar ini adalah berteraskan pembiayaan inovatif dan insentif, infrastruktur digital dan ekosistem, pengawalseliaan dan penerimaan industri, kemahiran dan modal insan, serta capaian teknologi pintar.

Selain itu, taksiran keakuran dengan izin, "*conformity assessment*" akan diperkenalkan di bawah dasar ini untuk menilai tahap kesiapsiagaan dan tahap pengaplikasian teknologi teras Industri 4.0 di kalangan industri. Syarikat akan dianugerahkan status mengikut tahap pencapaian mereka dalam penggunaan teknologi, produktiviti, pertumbuhan keluaran dan penjimatan. Penawaran insentif berdasarkan status pencapaian syarikat dalam taksiran keakuran tersebut dijangka dapat menggalakkan transformasi syarikat-syarikat PKS ke arah Industri 4.0.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini juga telah menyediakan platform untuk membantu syarikat PKS menilai dan mengaplikasikan Industri 4.0 di syarikat masing-masing dengan menubuhkan makmal digital serta platform

kerjasama awam-swasta untuk menggalakkan PKS menggunakan teknologi inovatif dalam bidang berkeutamaan.

Bagi memastikan kesiapsiagaan syarikat-syarikat PKS dalam mengikuti arus Industri 4.0, Kerajaan dalam Bajet 2018 telah menawarkan pakej insentif yang komprehensif untuk membantu dan menggalakkan PKS mengaplikasikan Industri 4.0 seperti berikut:

- RM245 juta Geran Sepadan di bawah Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF);
- Lanjutan tempoh insentif Elaun Modal Dipercepatkan ke atas kelengkapan automasi dari tahun taksiran 2018 kepada 2020;
- Galakan Elaun Modal Dipercepatkan sebanyak 200 peratus untuk sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan; dan
- Elaun Modal bagi peralatan ICT termasuk perbelanjaan pembangunan perisian komputer mulai tahun taksiran 2018 hingga 2020.

Selain itu, peruntukan khas di bawah Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) turut disediakan bagi membantu PKS menuju ke arah Industri 4.0 seperti:

- RM7 bilion untuk sektor perkhidmatan termasuk *Industrial Revolution 4.0*, yang mana RM5 bilion diperuntukkan untuk modal

10

kerja dan RM2 bilion, pinjaman dengan 70 peratus jaminan Kerajaan; dan

- RM1 bilion ringgit, dengan pinjaman 70 peratus jaminan Kerajaan untuk mengautomasikan proses pengeluaran dan mengurangkan penggajian pekerja asing.

Syarikat juga boleh memanfaatkan beberapa insentif sedia ada berkaitan pembuatan pintar (*smart manufacturing*) seperti berikut:

- Pelanjutan tempoh Insentif Elaun Modal Automasi bagi Kategori Pertama (produk getah, plastik, kayu, perabot dan tekstil) yang diumumkan melalui Bajet 2015 dari tahun taksiran 2018 hingga 2020 bagi menggalakkan proses automasi sektor perkilangan;
- Elaun Cukai Pelaburan atau Taraf Perintis bagi pengeluaran robotik dan peralatan automasi kilang atau pengeluaran mesin dan peralatan khas bagi industri tertentu; dan
- Skim Pinjaman Mudah Bagi Automasi dan Modenisasi. ("SLSAM") daripada MIDF.

Sekian, terima kasih.